

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PERASMIAN ASRAMA SEMAI BAKTI KELANA JAYA
DAN PENYAMPAIAN SIJIL SAHAM KOPERASI PERMODALAN FELDA

TEMPAT: KELANA JAYA

TARIKH: 13 JUL 1990

MASA:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.
Yang Berhormat Datuk Kasitah Gaddam,
Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah;
Yang Mulia Tan Sri Raja Alias,
Pengerusi Kumpulan FELDA;
Dif-dif Kehormat;
Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,
Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala
kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama hadir
di majlis pada petang ini. Saya juga mengucapkan terima
kasih kepada Felda kerana menjemput saya ke majlis ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,
2. Pendidikan adalah satu bidang yang luas dan ianya
bukanlah monopoli mana-mana pihak atau tanggungjawab
Kerajaan semata-mata. Pendidikan penting bukan sahaja
kepada individu tetapi juga kepada keluarga, masyarakat dan
negara. Oleh itu semua pihak harus berusaha mengemblingkan
tenaga untuk meningkatkan taraf pendidikan di negara kita.
3. Penglibatan Felda dalam membantu menyediakan kemudahan-
kemudahan pendidikan sangat dialu-alukan. Penglibatan ini
melambangkan kesungguhan Felda dalam memenuhi dan menghayati
matlamat negara. Sungguhpun bilangan yang menerima
kemudahan di Asrama-asrama Semai Bakti adalah kecil, tetapi
kejayaan-kejayaan yang dicapai membuktikan usaha ini adalah
berkesan. Saya mengambil kesempatan ini untuk menggesa
pelajar-pelajar asrama ini khususnya, dan lain-lain pelajar
amnya, supaya menggunakan sepenuhnya setiap kesempatan yang
diberikan dan setiap kemudahan yang dibekalkan bagi
memperbaiki diri sendiri, masa depan keluarga dan
masyarakat.

4. Negara kita sedang membangun dengan pesatnya. Untuk
memastikan negara terus membangun dengan pesat tenaga mahir
yang berpengetahuan dan terlatih serta rakyat yang
menghayati hasrat dan cita-cita negara perlu diadakan.
Jentera pembangunan tidak akan berjalan lancar jika tidak
digerakkan oleh pengurusan yang cekap dan pekerja-pekerja
yang mahir dan berdedikasi. Pengurusan dan pekerja mahir
yang berdedikasi tinggi bukan sahaja mempengaruhi rentak

pembangunan kita tetapi juga merupakan daya penarik yang kuat kepada pelabur-pelabur asing ke negara kita. Saya berharap Asrama-asrama Semai Bakti dapat menyumbang ke arah mengeluarkan tenaga pengurusan pekerja yang berupaya menyahut seruan negara.

Tuan-tuan dan puan-puan,

5. Setiap keadaan akan berubah dengan masa yang berlalu. Kalau dahulu kita bercucuk tanam, berternak dan membanting tulang bagi memenuhi keperluan asas keluarga semata-mata, tetapi sekarang kita tidak lagi berpuashati dengan hanya cukup makan, berpakaian dan bumbung di atas kepala kita. Kita perlu kehidupan yang lebih selesa dan lebih bahagia. Kita berpendapat kita berhak kepada kehidupan yang setaraf dengan bangsa-bangsa lain yang maju. Kita tidak ingin kekal sebagai bangsa yang miskin, mundur dan terhina oleh kerana pencapaian kita adalah kurang daripada orang lain.

6. Untuk ini kita tidak boleh menunggu rezeki datang melayang. Tuhan akan menolong mereka yang menolong diri sendiri. Untuk mendapat rezeki kita perlu mengejar rezeki di mana juga rezeki berada. Kita perlu meningkatkan ilmu dan kita perlu berpindah tempat dan menukar cara hidup kita. Kita perlu berani mengambil risiko dan kita perlu bekerja lebih kuat dan mengguna cara dan pendekatan yang lebih sesuai. Kita juga tidak boleh mudah kecewa, sebaliknya kita perlu mencuba dan harus mencuba sehingga berjaya. Setelah berusaha sedemikian baharulah kita berserah kepada Tuhan, kerana kita tahu kadang-kadang segala usaha kita tidak akan berhasil. Namun jikalau tidak berhasil sekalipun, kita tidak boleh menyalahkan sesiapa. Insya-Allah jika kita mencuba lagi, kita mungkin berjaya. Penerbangan ke bulan bermula dengan penerbangan 6 inci tinggi dari paras bumi sejauh beberapa ela sahaja. Jika peneroka kapal terbang kecewa, hari ini kita akan ke Mekah dengan kapal layar -- mungkin hanya 1000 orang yang dapat menunaikan haji setahun dan bukan 30,000 orang.

7. Kerajaan ingin meningkatkan penguasaan ilmu di kalangan generasi akan datang kerana jika kita kekal di tahap ilmu yang kita ada sekarang, kita akan ketinggalan zaman. Ilmu tidak statik. Ia bertambah sepanjang masa. Kita perlu mengejar ilmu. Generasi akan datang, jika tidak lebih pandai daripada generasi sekarang akan ketinggalan berbanding dengan masyarakat lain. Hanya jika kita dapat meningkatkan pengetahuan generasi akan datang, baharulah boleh kita terus berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan bangsa-bangsa lain.

Tuan-tuan dan puan-puan,

8. Pertanian di masa depan tidak akan sama dengan pertanian sekarang. Anak peneroka yang berpelajaran tinggi tidak mungkin balik ke ladang kecil untuk menoreh getah atau mengait buah kelapa sawit. Kemungkinan ladang-ladang kecil untuk orang perseorangan akan ditinggalkan selepas peneroka asal tidak ada lagi. Hasil ladang yang kecil dan mungkin tidak efisien tidak bermakna kepada anak atau cucu yang

mendapat gaji yang lebih di bandar. Namun negara masih memerlukan hasil daripada pengeluaran ladang-ladang.

9. Dalam hal ini apakah pilihan kita? Apakah kita terpaksa menutup ladang dan menumpukan semata-mata kepada industri pembuatan? Jika kita berbuat demikian, kita akan terlalu bergantung kepada industri pembuatan. Jika berlaku sesuatu kepada industri ini, kita akan rugi. Sebagai insuran atau jaminan, kita harus mengekalkan industri perladangan. Tetapi siapakah yang akan menguruskan ladang-ladang kecil ini?

10. Apabila ladang Felda dibahagikan kepada peneroka dan mereka mengambil alih pengurusan, hasilnya amat mengecewakan. Ladang yang besar, jika dipecah-pecahkan dan dijadikan ladang yang kecil, akan rugi. Di Malaysia pendapatan daripada ladang-ladang besar, yang jumlah luasnya hanya separuh sahaja daripada jumlah keluasan kebun-kebun kecil adalah sekali ganda lebih tinggi daripada pendapatan kebun-kebun kecil. Jika kita ingin mendapatkan hasil daripada pemecahan ladang Felda, maka ladang-ladang ini harus digabungkan semula dan diurus sebagai ladang besar. Untuk tujuan ini kita perlu pengurus ladang yang terlatih dan beramanah. Sungguhpun anak-anak peneroka boleh menceburi bidang lain, sebilangan daripada mereka harus memberi tumpuan juga kepada bidang pengurusan estet besar. Jika mereka terpaksa balik ke skim Felda, eloklah mereka balik sebagai pengurus estet yang cekap. Anak-anak peneroka tidak harus memandang rendah terhadap profesion ini.

11. Anak-anak peneroka Felda juga harus lebih berpengetahuan dalam bidang ekonomi moden. Wang yang didapati daripada titik peluh seseorang bukan hanya untuk dibelanja dan dihabiskan. Wang perlu diuruskan dengan baik kerana ia boleh menghasilkan lebih banyak wang. Kecekapan pengurusan wang sahaja yang akan menentukan sama ada kita berjaya atau tidak. Mereka yang memiliki wang yang banyak mungkin menjadi papa dalam sekejap masa, jika mereka tidak tahu menguruskan wang mereka dengan cekap.

12. Peneroka Felda sekarang boleh mendapat pendapatan bukan sahaja daripada hasil ladang tetapi juga daripada berbagai-bagai jenis perniagaan yang diusahakan oleh Felda. Koperasi Permodalan Felda melabur dalam berbagai-bagai jenis perusahaan dan perniagaan yang boleh menambah pendapatan ahli-ahli Koperasi. Pendapatan daripada Koperasi boleh menolong perbelanjaan peneroka. Tetapi wang yang diperolehi boleh juga dikumpul dan dilaburkan dalam saham perniagaan yang terpilih atau blue chip shares. Mungkin ramai yang berkata bahawa pendapatan daripada semua punca pun jumlahnya tidak cukup. Sebenarnya siapa juga tidak pernah cukup wang. Jikalau kita ingin menabung pendapatan kita, bila-bila masa sahaja kita boleh berbuat demikian. Jika tidak, setelah menjadi jutawan pun kita tidak boleh menyimpan wang. Jutawan hari ini mungkin menjadi muflis hari esok. Kita telah melihat perkara ini berlaku terlalu kerap. Kita harus mengambil iktibar daripadanya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

13. Sejajar dengan konsep pelaburan, melalui pemilikan saham, sistem pemilikan tanah juga perlu dipinda untuk disesuaikan dengan peredaran zaman. Sikap ingin memiliki tanah kerana inginkan tanah semata-mata sudah tidak sesuai lagi dengan keadaan sekarang. Apa yang penting ialah hasil yang datang daripada tanah yang diusahakan, dan bagaimana kita menggunakan tanah itu untuk mendapatkan pulangan yang lebih baik. Oleh itu di rancangan-rancangan baru Felda, peserta-peserta akan ditawarkan saham. Saya merasa bahawa jika masyarakat kita inginkan kemajuan, inilah satu cara yang patut diikuti. Bergantung kepada tanah semata-mata adalah pendirian yang lapuk. Melalui pemegangan saham, yang dengan sendiri menandakan pemegangan modal, pulangan yang lebih stabil dan lebih baik boleh didapati.

14. Pemilikan saham harus menggantikan pemilikan tanah, bahkan lain-lain bentuk harta. Namun pemilikan tanah juga harus dalam bentuk saham, dengan tumpuan diberi bukan kepada keluasan tanah tetapi kepada hasil daripada tanah itu dalam bentuk dividen. Tanah yang tidak memberi hasil tidak bermakna. Terlalu banyak tanah yang dimiliki melalui faraid tidak membawa hasil apa-apa kerana susah untuk diusahakan atau untuk dijual oleh kerana pemiliknya terlalu ramai dan sukar mengurus tanah-tanah tersebut, bahkan pemilik-pemilik tanah juga sukar dihubungi. Undang-undang faraid tidak boleh disalahkan. Yang salah ialah orang Islam yang tidak tahu atau tidak mahu mengamalkannya dengan tidak merugikan diri. Adalah mustahil undang-undang Islam yang adil membawa kerugian. Kita mendapati bahawa jika tidak ada masalah milik sekalipun, pengurusan tanah sedemikian akan tidak menguntungkan orang Melayu yang memilikinya. Yang kita khuatir ialah akhirnya tanah-tanah Felda akan dijual kepada pihak lain kerana tanah-tanah tersebut tidak mendatangkan hasil dan waris yang bukan lagi bekerja sebagai peladang sudah tidak berminat dengan tanah-tanah itu.

Tuan-tuan dan puan-puan,

15. Kerajaan boleh merancang dan melaksanakan skim untuk kebaikan rakyat. Tetapi sama ada rancangan dan skim ini mendatangkan kebaikan kepada kumpulan sasaran banyak bergantung kepada mereka yang menyertai skim-skim ini. Dengan dihasut oleh kumpulan-kumpulan tertentu, peserta-peserta skim boleh mengugut kerajaan supaya memberi keuntungan jangka pendek. Tetapi apa gunanya keuntungan hari ini jika kita rugi kemudian.

16. Akhirnya, saya berdoa agar segala usaha yang dijalankan oleh Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah serta Felda mencapai matlamatnya. Saya berharap semoga estet-estet Felda akan kekal dan terus diurus dan ditadbirkan oleh kakitangan yang berdedikasi tinggi. Anak-anak peneroka yang sekarang lebih bernasib baik daripada anak-anak penduduk desa lain, harus diberi bukan sahaja ilmu biasa, tetapi juga kesedaran akan nikmat yang mereka terima dan betapa pentingnya mereka membuktikan kesyukuran mereka dengan

menggunakan segala kemudahan yang mereka perolehi dengan sebaik-baiknya.

17. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan Asrama Semai Bakti Kelana Jaya ini.
Wabillahi taufik walhidayah wasalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.